

Bil. S 54

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Bab 83(3))

PERINTAH DARURAT
(KANUN PERATURAN JENAYAH) (PINDAAN), 1999

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah membuat Perintah yang berikut —

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Kanun Peraturan Jenayah) (Pindaan), 1999.

Gelaran,
permulaan
kuatkuasa dan
pengenaan.

(2) Perintah ini hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan September, 1999.

(3) Peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah dikenakan kepada sebarang kesalahan yang dilakukan sebelum atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini.

2. Kanun Peraturan Jenayah (selepas ini disebut sebagai Kanun tersebut) adalah dipinda dalam bab 2 dalam takrifan "Pendaftar" dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "Ketua Pendaftar" yang berikut —

Pindaan bab 2.
Penggag 7.

" , Timbalan Ketua Pendaftar, Pendaftar Kanan".

3. Bab 7 dari Kanun tersebut adalah dimansuhkan dan digantikan dengan yang berikut —

Pemansuhan
dan
penggantian
bab 7.

"Bidang kuasa. 7. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun ini, bidang kuasa Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Majistret dalam perkara-perkara jenayah hendaklah diperluaskan kepada sebarang kesalahan yang dilakukan —

(a) seluruhnya atau sebahagiannya di dalam Negara Brunei Darussalam; atau

(b) di dalam mana-mana kapal yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam; atau

(c) di dalam mana-mana pesawat terbang yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam; atau

(d) di laut lepas jika kesalahan itu berupa pelanun mengikut undang-undang antarabangsa; atau

(e) oleh mana-mana orang di luar Negara Brunei Darussalam yang bersubahat, atau membuat komplot untuk melakukan, suatu kesalahan di dalam Negara Brunei Darussalam, sama ada atau tidak sebarang perbuatan terbuka untuk meneruskan komplot itu berlaku di dalam Negara Brunei Darussalam; atau

(f) oleh rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia sama ada kesalahan itu dilakukan di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam."

Pindaan
bab 117B.

4. Bab 117B dari Kanun tersebut adalah dipinda dalam ceraiian (2) —

(a) dengan memasukkan "and" selepas "belief", di hujung perenggan (b);

(b) dengan memotong "and" di hujung perenggan (c);

(c) dengan memotong perenggan (d);

(d) dengan memotong perkataan-perkataan "paragraphs (c) and (d)" dalam proviso dan menggantikannya dengan perkataan-perkataan "paragraph (c)";

(e) dengan memansuhkan dan menggantikan ceraiian (4) seperti berikut —

"(4) Walaupun pernyataan bertulis seseorang boleh diterima sebagai keterangan menurut bab ini —

(a) pihak yang menyampaikan pernyataan itu atau yang bagi pihaknya satu salinan pernyataan itu disampaikan, boleh meminta orang yang membuat pernyataan itu untuk memberi keterangan tambahan dalam kes-kes, yang mungkin termasuk perkara-perkara yang tidak terkandung dalam pernyataan itu; dan

(b) orang yang membuat pernyataan itu hendaklah hadir dalam perbicaraan bagi pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula."

5. Kanun tersebut adalah dipinda dengan menambah bab-bab baru yang berikut, sejurus selepas bab 117C —

Tambahan
bab-bab 117D,
117E dan 117F
baru.

"Kegagalan
untuk
menerangkan
benda, bahan
atau tanda.

117D. (1) Jika seseorang ditangkap oleh seseorang pegawai polis dan —

- (a) (i) ada pada dirinya; atau
- (ii) dalam atau pada pakaian atau kasutnya; atau
- (iii) selainnya dalam milikannya; atau
- (iv) di mana-mana tempat di mana dia berada pada masa dia ditangkap,

sebarang benda, bahan atau tanda, atau ada sebarang tanda pada benda itu; dan

(b) pegawai polis itu atau pegawai polis lain yang menyiasat kes itu mempercayai dengan munasabah bahawa adanya benda, bahan atau tanda itu mungkin disebabkan penglibatan orang yang ditangkap itu dalam melakukan suatu kesalahan yang dinyatakan oleh pegawai polis tersebut; dan

(c) pegawai polis tersebut memberitahu orang yang ditangkap itu bahawa dia mempercayai demikian, dan memintanya untuk menerangkan adanya benda, bahan atau tanda itu; dan

(d) orang itu gagal atau enggan berbuat demikian,

maka jika, dalam sebarang prosiding terhadap orang itu atas kesalahan yang dinyatakan demikian, keterangan mengenai perkara-perkara tersebut diberikan, ceraiian (2) di bawah ini adalah dikenakan.

(2) Jika ceraiian ini dikenakan, Mahkamah —

(a) dalam memutuskan sama ada terdapat kes untuk dijawab; dan

(b) dalam memutuskan sama ada tertuduh bersalah atas kesalahan yang dituduh itu,

boleh membuat kesimpulan dari kegagalan atau keengganan orang itu sebagaimana yang ternyata patut.

(3) Ceraian-ceraian (1) dan (2) dikenakan kepada keadaan pakaian atau kasut sebagaimana ceraian-ceraian itu dikenakan kepada suatu bahan atau tanda di atasnya.

(4) Ceraian-ceraian (1) dan (2) tidak dikenakan melainkan jika tertuduh diberitahu dalam bahasa biasa oleh pegawai polis tersebut apabila membuat permintaan yang disebutkan dalam ceraian (1)/c/ tentang apa kesan bab ini jika dia gagal atau enggan mematuhi permintaan itu.

(5) Bab ini adalah dikenakan berhubung dengan pegawai-pegawai kastam sebagaimana ia dikenakan berhubung dengan pegawai-pegawai polis.

(6) Bab ini tidak menghalang sebarang kesimpulan dibuat dari kegagalan atau keengganan tertuduh untuk menerangkan adanya suatu benda, bahan atau tanda atau dari keadaan pakaian atau kasut yang sepatutnya boleh dibuat selain dari bab ini.

(7) Bab ini tidak dikenakan berhubung dengan kegagalan atau keengganan yang berlaku sebelum permulaan kuatkuasa bab ini.

Kegagalan
untuk
menerangkan
kehadiran.

117E. (1) Jika —

(a) seseorang yang ditangkap oleh seseorang pegawai polis dijumpai olehnya di suatu tempat pada atau kira-kira pada masa kesalahan yang atasnya dia ditangkap dikatakan telah dilakukannya; dan

(b) pegawai polis itu atau pegawai polis lain yang menyiasat kesalahan itu mempercayai dengan munasabah bahawa kehadiran orang itu di tempat tersebut dan pada masa itu mungkin disebabkan penglibatan orang itu dalam melakukan kesalahan tersebut; dan

(c) pegawai polis tersebut memberitahu orang itu bahawa dia mempercayai demikian, dan meminta orang itu untuk menerangkan kehadirannya itu; dan

(d) orang itu gagal atau enggan berbuat demikian,

maka jika, dalam sebarang prosiding terhadap orang itu atas kesalahan tersebut, keterangan mengenai perkara-perkara tersebut diberikan, ceraian (2) adalah dikenakan.

(2) Jika ceraian ini dikenakan, Mahkamah —

(a) dalam memutuskan sama ada terdapat kes untuk dijawab; dan

(b) dalam memutuskan sama ada tertuduh bersalah atas kesalahan yang dituduh itu,

boleh membuat kesimpulan dari kegagalan atau keengganan orang itu sebagaimana yang ternyata patut.

(3) Ceraian-ceraian (1) dan (2) tidak dikenakan melainkan jika tertuduh diberitahu dalam bahasa biasa oleh pegawai polis tersebut apabila membuat permintaan yang disebutkan dalam ceraian (1)(c) tentang apa kesan bab ini jika dia gagal atau enggan mematuhi permintaan itu.

(4) Bab ini adalah dikenakan berhubung dengan pegawai-pegawai kastam sebagaimana ia dikenakan berhubung dengan pegawai-pegawai polis.

(5) Bab ini tidak menghalang sebarang kesimpulan dibuat dari kegagalan atau keengganan tertuduh untuk menerangkan kehadirannya di suatu tempat yang sepatutnya boleh dibuat selain dari bab ini.

(6) Bab ini tidak dikenakan berhubung dengan kegagalan atau keengganan yang berlaku sebelum permulaan kuatkuasa bab ini.

Tafsiran dan
pengcualian.

117F. (1) Dalam bab-bab 117D dan 117E —

"wakil di sisi undang-undang" bermakna seseorang peguambela dan peguamcara;

"tempat" termasuk sebarang bangunan atau sebahagian daripada bangunan, mana-mana kenderaan, kapal, pesawat terbang atau hoverkraf dan mana-mana tempat lain apa pun.

(2) Dalam bab-bab 117D dan 117E, sebutan-sebutan kepada suatu kesalahan yang dituduh termasuk sebutan-sebutan kepada sebarang kesalahan lain di mana tertuduh boleh disabitkan secara sah atas tuduhan itu.

(3) Seseorang tidaklah mempunyai kes untuk dijawab atau disabitkan atas suatu kesalahan semata-mata atas kesimpulan yang dibuat dari kegagalan atau keengganan sebagaimana yang disebutkan dalam bab-bab 117D, 117E atau 118.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam bab-bab 117D, 117E atau 118 menjejaskan penguatkuasaan suatu peruntukan sebarang undang-undang yang memperuntukkan (dalam apa pun perkataan) bahawa sebarang jawapan atau keterangan yang diberikan oleh seseorang dalam hal keadaan yang tertentu tidak boleh diterima sebagai keterangan terhadapnya atau orang lain dalam sebarang prosiding atau jenis prosiding (tidak kira bagaimana jua pun diperihalkan, dan sama ada sivil atau jenayah).

(5) Dalam cerai (4), sebutan kepada memberi keterangan adalah sebutan kepada memberi keterangan dalam apa jua cara, sama ada dengan memberikan maklumat, membuat penzahiran, mengemukakan dokumen ataupun selainya.

(6) Tiada sebarang apa pun dalam bab-bab 117D, 117E atau 118 menjejaskan sebarang kuasa Mahkamah, dalam sebarang prosiding, untuk mengecualikan keterangan (sama ada dengan menghalang soalan-soalan diajukan ataupun sebaliknya) atas budi bicaranya."

6. Bab 138 dari Kanun tersebut adalah dipinda, dalam cerai (1) dengan — Pindaan bab 138.

(a) memotong perenggan (c) dan menggantikannya dengan yang berikut —

"(c) sebarang kesalahan yang berkaitan dengannya hukuman mati adalah dibenarkan oleh undang-undang;"

(b) memotong perenggan (d).

7. Kanun tersebut adalah dipinda dengan menambah bab baru yang berikut, sejurus selepas bab 138 — Tambahan bab 139 baru.

"Penyerahan untuk perbicaraan jika tertuduh ingin mengaku salah.

139. Dengan tidak menghiraukan cerai (1) bab 138, jika tertuduh yang dibawa di hadapan Majistret menyatakan bahawa dia ingin mengaku salah atas tuduhan yang dibuat terhadapnya, Majistret hendaklah merekodkan fakta-fakta kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwa dan jika fakta-fakta itu mendedahkan alasan yang mencukupi untuk menyerahkan tertuduh, dia hendaklah memuaskan hatinya bahawa tertuduh memahami jenis tuduhan itu dan berniat untuk mengaku tanpa syarat kesalahan yang dikatakan terhadapnya dan, setelah berpuas hati, hendaklah menyerahkan tertuduh untuk perbicaraan atas kesalahan tersebut."

8. Kanun tersebut adalah dipinda dengan menambah bab-bab baru yang berikut, sejurus selepas bab 151 — Tambahan bab-bab 151A dan 151B baru.

"Penyerahan untuk perbicaraan tanpa menimbang keterangan.

151A. Majistret yang mengadakan siasatan permulaan tentang kesalahan yang dikatakan dengan tujuan untuk menyerahkan mana-mana orang untuk dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi boleh, dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan lain Penggal XVII, jika berpuas hati bahawa semua keterangan di hadapan Mahkamah (sama ada untuk pihak pendakwa atau pihak pembela) mengandungi pernyataan-pernyataan bertulis yang dikemukakan kepadanya di bawah bab yang berikutnya, menyerahkan orang yang kena tuduh untuk dibicarakan atas kesalahan itu tanpa menimbang isi kandungan pernyataan-pernyataan tersebut, tertakluk kepada cerai (2).

(2) Orang yang kena tuduh boleh meminta Majistret untuk menimbang penghujahan bahawa

pernyataan-pernyataan itu mendedahkan keterangan yang tidak mencukupi untuk membicarakan orang yang kena tuduh atas kesalahan tersebut, dalam hal itu Majistret, jika dia bersetuju dengan penghujahan tersebut setelah mendengar pegawai yang menjalankan pendakwaan, hendaklah membebaskan orang yang kena tuduh.

Pernyataan-pernyataan bertulis sebagai ganti deposisi.

Penggal 108.

151B. (1) Dalam sebarang siasatan permulaan suatu pernyataan bertulis yang dibuat oleh mana-mana orang adalah, jika syarat-syarat yang disebutkan dalam cerai (2) dipenuhi, boleh diterima setakat yang sama sebagaimana keterangan lisan yang sama maksudnya yang diberikan oleh orang itu adalah boleh diterima di bawah Akta keterangan.

(2) Syarat-syarat tersebut adalah bahawa —

(a) pernyataan itu dikatakan ditandatangani oleh orang yang membuatnya;

(b) pernyataan itu mengandungi suatu pengakuan oleh orang itu bahawa ia adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya;

(c) tidak kurang dari tujuh hari sebelum pernyataan itu dikemukakan sebagai keterangan satu salinannya diberikan, oleh atau bagi pihak-pihak yang bercadang untuk mengemukakannya, kepada tiap-tiap pihak lain dalam prosiding itu; dan

(d) tiada satu pihak pun daripada pihak-pihak lain, sebelum pernyataan itu dikemukakan sebagai keterangan pada siasatan permulaan tersebut, membantah terhadap pengemukannya di bawah bab ini.

(3) Walaupun suatu pernyataan bertulis yang dibuat oleh mana-mana orang mungkin boleh diterima dalam siasatan permulaan menurut bab ini, Majistret yang mengadakan siasatan permulaan itu boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak dalam prosiding itu, meminta supaya orang itu hadir di hadapannya dan memberi keterangan.

(4) Sebanyak mana dari sebarang pernyataan yang diterima sebagai keterangan menurut bab ini hendaklah, melainkan jika Majistret atas sebab-sebab yang akan direkodkan olehnya mengarahkan sebaliknya, dibaca dengan suara nyaring di dalam Mahkamah pada siasatan permulaan itu oleh pihak yang mengemukakannya atau wakilnya, atau oleh seorang pegawai mahkamah, sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Majistret.

(5) Sebarang dokumen atau benda yang disebut sebagai barang kes dan dikenalpasti dalam suatu pernyataan bertulis yang dikemukakan sebagai keterangan di bawah bab ini hendaklah disifatkan seolah-olah ia telah dikemukakan sebagai barang kes dan dikenalpasti di dalam Mahkamah oleh orang yang membuat pernyataan itu.

Penggal 108. (6) Sebanyak mana dari sebarang pernyataan yang diterima sebagai keterangan menurut bab ini hendaklah, jika syarat-syarat yang disebutkan dalam bab 33 dari Akta Keterangan dipenuhi, dianggap sebagai keterangan yang diberikan dalam prosiding kehakiman bagi maksud bab itu.

(7) Tertakluk kepada peruntukan bab-bab 151A dan 151B, peruntukan-peruntukan Penggal XVII hendaklah dikenakan, dengan sebarang kekecualian, syarat atau pengubahsuaian yang perlu, kepada sebarang siasatan permulaan yang dikenakan peruntukan bab-bab 151A dan 151B.

(8) Majistret boleh menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh bab 145 berkaitan dengan mana-mana orang yang pernyataannya telah diterima sebagai keterangan menurut bab ini seolah-olah orang itu telah hadir di hadapannya sebagai saksi dalam siasatan permulaan itu, dan bagi maksud tersebut boleh menyaman orang yang membuat pernyataan itu untuk hadir di hadapannya pada bila-bila masa sebelum membicarakan orang atau orang-orang itu, dan boleh mengeluarkan waran bagi penangkapan orang yang membuat pernyataan itu jika dia gagal hadir bagi menjawab sebarang saman tersebut."

- Pemansuhan dan penggantian bab 170. 9. Bab 170 dari Kanun tersebut adalah dimansuhkan dan digantikan dengan yang berikut —
- "Orang yang dituduh melakukan suatu kesalahan boleh disabitkan atas kesalahan lain. 170. Jika seseorang dituduh melakukan suatu kesalahan dan fakta-fakta dibuktikan yang menjadi kesalahan lain, dia boleh disabitkan atas kesalahan lain itu walaupun dia tidak dituduh melakukannya:
- Dengan syarat bahawa dia tidak boleh disabitkan atas sebarang kesalahan dengan hukuman maksimum yang lebih besar dari hukuman yang ditetapkan bagi kesalahan yang dia dituduh melakukannya."
- Pindaan bab 189A. 10. Bab 189A dari Kanun tersebut adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "by reason of the character and antecedents of such accused".
- Pindaan bab 221. 11. Bab 221 dari Kanun tersebut adalah dipinda —
- (a) dengan memotong perenggan (b) cerai (1) dan menggantikannya dengan yang berikut —
- "(b) remain silent,";
- (b) dengan memotong cerai (3);"
- (c) dengan meminda cerai (5) —
- (i) dengan memotong "shall not" dan menggantikannya dengan "may";
- (ii) dengan memotong "but" dan menggantikannya dengan "and".
- Pindaan bab 248. 12. Bab 248 dari Kanun tersebut adalah dipinda —
- (a) dengan memotong cerai (1);
- (b) dengan memotong perkataan "also" dalam cerai (2);
- (c) dengan memotong cerai (4).
- Pindaan bab 262. 13. Bab 262 dari Kanun tersebut adalah dipinda dengan menambah cerai (8) baru yang berikut —
- "(8) Bab ini hendaklah dikenakan kepada semua kesalahan, sama ada atau tidak suatu hukuman minimum telah ditetapkan bagi sebarang kesalahan."

14. Bab 263 dari Kanun tersebut adalah dipinda dengan menambah
ceraian (6) baru yang berikut — Pindaan
bab 263.

"(6) Bab ini hendaklah dikenakan kepada kesalahan-kesalahan,
sama ada atau tidak suatu hukuman minimum telah ditetapkan
bagi sebarang kesalahan."

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah
1420 bersamaan dengan 4 haribulan September, 1999 di Istana Nurul
Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM